

# PJBG: Mampu Lonjak Aspirasi Kecemerlangan Sekolah

**MINDA PENDIDIK**  
**ABDUL SAID AMBOTANG**



Bersama:

Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad,  
Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat  
dan Roslee Talip

413 23/05/2011 84  
**P**ERSATUAN Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah organ penting kepada sesebuah institusi pendidikan rendah dan menengah. Fungsi dan tanggungjawab PIBG amat besar serta mencabar, ke arah meningkatkan akses, ekuiti, kecekapan, keberkesanan dan kualiti pendidikan negara yang lebih komprehensif, berwibawa serta bertaraf dunia. Objektif dan visi PIBG hendaklah selari dengan Misi Nasional, Dasar Pembangunan Negara, Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Dasar Pendidikan Negara (DPN), Pelan Integriti Nasional (PIN) dan prinsip Islam Hadhari yang sering dilau-laungkan satu ketika dulu.

Dalam masyarakat majmuk khususnya di Sabah dan Sarawak sekolah dan masyarakat mempunyai peranan yang saling berhubungan dalam membentuk generasi 1Malaysia yang bersatu padu melalui sistem persekolahan yang wujud sekarang. Keadaan ini boleh dicapai sekiranya hubungan guru dan ibu bapa dieratkan agar dapat meningkatkan kemajuan pendidikan, kebajikan pelajar, pembangunan negara dan seterusnya pembinaan bangsa 1Malaysia.

Akta Pendidikan 1961 memperuntukkan bahawa PIBG adalah entiti utama dalam sesebuah sekolah dan asas penubuhannya termaktub dalam akta berkenaan. PIBG berperanan sebagai rakan kongsi sekolah dalam menyelesaikan masalah, birokrasi dan isu yang timbul. Badan ini juga bertindak sebagai wadah, forum dan khidmat bakti untuk kemajuan serta pembangunan pelajar dan sekolah. Perannya turut meliputi sistem pentadbiran dan pengurusan sekolah, akademik, disiplin, sistem pemantauan dan penilaian.

Penekanan kepada kurikulum dan pentaksiran amat penting, termasuklah pemantauan maklumat dan komunikasi, penyelidikan dan pembangunan, kewangan serta infrastruktur sekolah. Perlembagaan PIBG menetapkan

bahawa keahlian badan ini hendaklah terdiri daripada setiap guru dan ibu bapa yang anak mereka menuntut di sekolah berkenaan. Institusi ini juga boleh bertindak melengkapkan prasarana keperluan fizikal sekolah dan murid seperti projek makmal komputer, penyediaan akses jalur lebar SchoolNet ke sekolah, perpustakaan yang lengkap, program TV Pendidikan, pusat sumber yang mapan, kemudahan sukan dan rekreasi yang mantap dan berkesan, serta pelbagai inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lain. Ini termasuklah kemudahan akses internet, paparan kristal cecair (LCD), kafe siber di sekolah dan lain-lain lagi yang mampu menyokong aspirasi kecemerlangan sekolah. Inilah agenda dan misi yang sepatutnya menjadi matlamat serta perjuangan barisan kepimpinan dan pengurusan PIBG. Dan bukannya menjadikan PIBG sebagai platform politik murahan, gelanggang mengejar nama dan pangkat, medan mesyuarat ala kedai kopi atau perebutan jawatan demi kepentingan diri sendiri dan mempunyai agenda tersembunyi yang tidak memberi sebarang manfaat dan kebaikan kepada pembangnan sekolah dan masa hadapan pelajar.

Barisan kepimpinan PIBG juga hendaklah menginsafi dan dengan penuh tanggungjawab melaksanakan tugas dan amanah yang dipikul di bahu mereka. PIBG yang bertindak sebagai entiti utama, membolehkan kelompok ibu bapa dan guru berkongsi dan bertukar pendapat serta maklumat mengenai pendidikan semasa dan metode meningkatkan lagi prestasi akademik dan kokurikulum pelajar. Pembangunan modal insan perlu dengan tumpuan kepada sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak, dan jati diri pelajar. Ini bermatlamat melahirkan produk generasi pelajar yang berkualiti, bersepadu dan seimbang. Hasilnya produk pelajar itu kompeten dalam sains dan teknologi, inovatif, mampu bersaing di pasaran global, berdikari, kreatif serta kebolehpasaran dalam apa jua bidang dan jurusan yang diceburi mereka pada masa akan datang. Pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

baru-baru ini sekali lagi menguji tahap prestasi sekolah dan keberkesanan fungsi kepimpinan dan pengurusan PIBG. Badan ini sedikit sebanyak memberi impak positif melalui program dan aktiviti yang dianjurkan.

PIBG juga dilihat mampu bertindak sebagai peneraju serta pencetus kejayaan pelajar di dalam peperiksaan awam yang diduduki, di samping faktor dalaman dan luaran lain yang menjadi asas kepada kejayaan mereka. Persoalannya ialah sejauh manakah PIBG telah berjaya menentukan hala tuju dan misi sekolah agar terus berada pada landasan yang betul? Adakah matlamat, piawai dan penanda aras yang ditetapkan, berjaya dicapai oleh PIBG dan sekolah ke arah melahirkan generasi yang memiliki ciri-ciri pemikiran dan tindakan global, patriotik, berdisiplin, beradab dan beretika, menjunjung tinggi warisan budaya dan kesenian bangsa? Bagi sekolah yang peratusan kelulusan masih rendah atau gagal mengekal prestasi kecemerlangan sekolah, maka PIBG dan pihak sekolah perlu melakukan sesuatu bagi menaikkan imej, identiti dan menjaga nama baik sekolah agar tidak dipandang rendah. Mungkin lebih banyak kelas tambahan perlu diadakan dengan memanggil guru pakar memberi latihan serta memperbanyakkan kursus motivasi kepada pelajar yang lemah dan kurang potensi.

Medium pembelajaran berteraskan akses internet hendaklah digalakkan kerana pelajar boleh mengaplikasikannya sebagai sumber rujukan tambahan yang tiada di dalam bilik darjah, buku teks dan rujukan lain. Banyak portal dan blog pendidikan yang berfaedah kepada pelajar dan guru untuk diterokai, sama ada produk tempatan ataupun luar negara. Pelajar juga mudah menyerap serta memahami apa yang telah mereka pelajari menerusi program multimedia dan Internet yang membolehkan mereka mengulang kaji pada bila-bila masa sahaja. Mereka juga boleh berinteraksi dan berbincang berkenaan pembelajaran dengan rakan-rakan dari sekolah yang sama atau berlainan melalui medium Internet. Ini menjadikan suasana dan realiti pembelajaran menjadi lebih menarik, moden dan mesra

IT. Pembelajaran pintar ini dapat diaplikasikan melalui medium e-mel, chatting, blog dan sebagainya dari bilik masing-masing atau di kafe siber sekolah. Oleh yang demikian, PIBG perlu memikirkan tentang perlunya penyediaan kemudahan kafe siber di setiap sekolah bagi membolehkan pelajar dan guru berinteraksi sesama mereka di luar waktu persekolahan.

PIBG juga hendaklah mampu memandu sekolah sebaris dengan kelompok sekolah bestari dan berpotensi dikategorikan di dalam sekolah kluster atau kelompok Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) seperti yang diumumkan baru-baru ini. Peruntukan beberapa buah Sekolah Berprestasi Tinggi seluruh negara perlu diisi dan dimanfaatkan sepenuhnya. Manakala Sekolah Bestari pula yang diperkenalkan pada tahun 1999 sebagai menyokong aspirasi Wawasan 2020 dalam mewujudkan sebuah generasi baru modal insan yang pemikir serta celik teknologi bagi menghadapi cabaran era maklumat serta ekonomi yang berasaskan pengetahuan global menerusi aplikasi utama MSC Malaysia. Ini adalah penanda aras dan objektif kecemerlangan yang perlu diusahakan oleh sesebuah sekolah yang mahu ke hadapan dan berdaya saing. Di samping itu juga, PIBG perlu mencari formula mujarab dan berkesan bagi menangani masalah sosial pelajar sekolah yang semakin parah dan serius. Masalah merokok, penagihan dadah dan pornografi, seks bebas dan pelbagai bentuk jenayah lain seperti mencuri, mencabul, membuli dan sebagainya hendaklah dibanteras secara bijak dan berhemah agar perkara ini tidak terus berlarutan dan menjadi barah dalam dunia pendidikan. Peningkatan dan pertambahan jenayah dan masalah sosial ini amat membimbangkan, maka PIBG hendaklah segera bertindak dan mencari jalan penyelesaian yang positif.

Satu pelan bertindak yang holistik dan realistik diperlukan agar perubahan dan pembaharuan dapat dilakukan melalui kaedah, formula dan metode terbaik dan paling berkesan. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama semua pihak perlu bagi mengatasi masalah. Inisiatif ini perlu digembleng sewajarnya dengan bantuan pihak kerajaan, ulama, ahli politik, tokoh

pendidikan, NGO, majlis alumni sekolah, pihak swasta dan masyarakat seluruhnya. Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, menuntut PIBG turun padang merencanakan teras strategi PIPP ke arah membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Sekiranya semua elemen ini berjaya diterjemahkan sebaiknya, maka dinamika dan keanjalan sistem pendidikan mapan kita akan dicontohi dan dikagumi dunia.

Pelan ini hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, cekap, berhikmah, telus, amanah dan bertanggungjawab. Langkah ini sejajar dengan hasrat yang terkandung dalam Misi Nasional dan penekanan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang menetapkan pembangunan modal insan yang memiliki minda kelas pertama. Gagasan dan misi besar ini tidak akan berjaya, sehinggalah subjek sasaran atau pelajar digilap dengan prinsip agama dan kemanusiaan. Di samping itu, pihak PIBG seharusnya bijak mengadakan jaringan dan kerjasama bijak dengan institusi pendidikan terbaik dan cemerlang tempatan dan luar negara seperti Singapura, Amerika Syarikat dan England.

Perkongsian pintar maklumat dan teknologi pendidikan terkini perlu diadakan agar sistem pendidikan tempatan lebih efisien, sofistikated, kompeten dan tidak ketinggalan zaman. Melalui perkongsian pintar ini maka medan pendidikan di negara kita menjadi lebih terbuka, seimbang dan seiring dengan peredaran zaman. Melalui kepimpinan dan pentadbiran PIBG yang cekap dan profesional, maka tidak mustahil sistem pendidikan di negara kita bakal terus berada dalam keadaan yang harmoni, kreatif, inovatif, akomodatif, moden serta ekonomik sepanjang masa.

**\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com**